

Kidz PCM 250 Suspension

Paracetamol 250mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Kidz PCM 250 Suspension
2. Bagaimana Kidz PCM 250 Suspension berfungsi
3. Sebelum mengambil Kidz PCM 250 Suspension
4. Cara mengambil Kidz PCM 250 Suspension
5. Semasa mengambil Kidz PCM 250 Suspension
6. Kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan Kidz PCM 250 Suspension
8. Deskripsi Produk
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Kidz PCM 250 Suspension

Kidz PCM 250 Suspension digunakan untuk melegakan demam dan kesakitan yang ringan hingga sederhana pada kanak-kanak seperti sakit kepala dan sakit gigi.

Bagaimana Kidz PCM 250 Suspension berfungsi

Kidz PCM 250 Suspension yang mengandungi Paracetamol merupakan sejenis ubat yang termasuk dalam kategori analgesia dan antipiretik yang dijadikan ubat penahan sakit dan penurun panas. Ia diserap dengan cepat dan sempurna selepas administrasi dan menunjukkan kesannya dalam masa 30 minit ke 2 jam. Kesan ini akan kekal selama 3 hingga 4 jam.

Sebelum mengambil Kidz PCM 250 Suspension

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil produk ini jika anda alergi (hipersensitiviti) terhadap Paracetamol atau bahan-bahan lain yang terkandung dalam produk ini.

Sebelum mula mengambil

Produk ini harus diberi dengan perhatian kepada penderita gangguan fungsi hati dan buah pinggang atau mereka yang sedang mengambil ubat yang mengancam kesihatan hati.

Jika mengambil ubat-ubatan lain

Sila periksa dengan doktor anda sekiranya anak anda sedang mengambil ubat-ubat seperti berikut: Kloramfenikol, antikoagulan (e.g. Warfarin), ubat-ubat yang mengakibatkan atau mengurangkan kembung perut (e.g. Metoklorframid, Propantelin atau analgesik narkotik, Petidin) dan enzim-mengaruh agen (e.g. Fenitoin).

Cara mengambil Kidz PCM 250 Suspension

Berapa banyak harus digunakan

Untuk demam dan kesakitan

Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun:

Ambil 5 hingga 10ml.

Kanak-kanak 1 hingga 6 tahun:

Ambil 2.4 hingga 5ml.

Bayi 3 hingga 12 bulan:

Ambil 1.2 hingga 2.4ml.

Untuk pos-imunisasi demam bagi bayi

Bayi 2 hingga 3 bulan: Berikan 1.2ml sebagai dos tunggal. Dos kedua boleh diulangi selepas 6 jam sekiranya diperlukam.

Jangan melebihi 4 dos dalam 24 jam kecuali dinasihatkan oleh doktor.

Goncangkan botol sebelum diambil.

Bila perlu diambil

Boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

Berapa lama perlu diambil

Sila mengikuti nasihat doktor atau ahli farmasi.

Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa beri Kidz PCM 250 Suspension kepada anak anda, berikannya secepat mungkin apabila anda teringat. Jangan cuba beri dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Sekiranya terambil berlebihan, sila menghubungi Pusat Racun Negara (1800 888 099) atau doktor anda, ataupun pergi ke unit kecemasan hospital yang terdekat secepat mungkin.

Semasa mengambil Kidz PCM 250 Suspension

Perkara yang perlu dilakukan

Periksa dengan doktor anda sekiranya:

1. Anak anda menghadapi masalah alergi.
2. Kesakitan berlarutan lebih daripada 5 hari atau bertambah buruk.
3. Demam berlarutan lebih daripada 3 hari atau berulang.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil ubat ini untuk keadaan lain kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan mengambil ubat-ubatan lain yang mengandungi Paracetamol pada masa yang sama.

Kesan Sampingan

Tanda alahan: Paracetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk

termasuk kemerahan kulit, lepuh atau ruam. Ini boleh menjadi tanda-tanda keadaan serius. Jika tindak-balas ini berlaku, berhenti menggunakannya dan dapatkan rawatan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumer → Reporting).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Kidz PCM 250 Suspension

Penyimpanan

- Simpan di bawah 30°C.
- Jauhkan daripada cahaya.
- Tutupkan penutup dengan ketat.
- Jauhkan daripada capaian kanak-kanak

Pelupusan

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput. Tarikh luput selalunya dicetak pada label dan kotak ubat.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Kidz PCM 250 Suspension boleh didapati dalam perisa oren yang berwarna oren atau perisa strawberi yang berwarna merah jambu.

Bahan-bahan

Bahan-bahan aktif

Setiap 5ml mengandungi Paracetamol 250mg

Bahan-bahan tidak aktif

Metil Hidroksibenzoat, Propil Hidroksibenzoat, Sodium Benzoat, Sodium Sakarin, Gula, Propilen Glikol, Larutan Sorbitol, Gliserin, Sodium Metabisulfit, Sunset Yellow, Jus Orange.

Kidz PCM 250 Suspension (orange)

MAL No.: MAL07010955X

Kidz PCM 250 Suspension (strawberry)

MAL No.: MAL06121057X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

WINWA MEDICAL SDN. BHD.

1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3, Taman I.K.S. Bukit Minyak, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

23 June 2017